

Hadkan kandungan nikotin vape



GAMBAR HIASAN

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

DEWAN Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) mencadangkan kepada kerajaan agar mengehadkan kandungan nikotin kepada enam miligram saja dan mengharamkan penjualan vape kepada mereka di bawah umur 18 tahun.

Presidennya, Syed Azaudin Syed Ahmad berkata, cadangan itu meliputi pengiktirafan alternatif rokok itu sebagai produk pengguna yang perlu diselia Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut Akta Racun 1952 selain turut dikenakan cukai eksais seperti produk bernikotin lain.

Katanya, ia adalah inisiatif membendung kewujudan vape haram yang tidak bertanggungjawab serta menggunakan nikotin secara tidak terkawal yang boleh memudaratkan kesihatan dan memberikan imej buruk kepada industri berkenaan.

"Kami sudah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama agensi kerajaan bagi membincangkan isu ini termasuk penguatkuasaan. Berdasarkan perbincangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), garis panduan aktiviti pengeluaran, pengedaran dan peruncitan peranti yang dikeluarkan pada 1 April 2018 masih digunakan sehingga kini.

"Kerajaan sedang menggubal dan meminda akta sedia ada bagi melaksanakan kawalan penguatkuasaan mandatori sepenuhnya pada tahun depan. Kita berharap ia akan memberikan impak kepada industri vape yang melalui proses revolusi dalam beberapa tahun ini," katanya kepada Harian Metro.

Syed Azaudin berkata, ketika ini DPVM mempunyai 1,832 ahli berdaftar seluruh Malaysia yang menjual vape, pod dan aksesori yang semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna.

Katanya, golongan sasaran pengguna vape juga sudah berubah daripada lingkungan umur 18 hingga 45 tahun kepada 60 tahun sesuai dengan perkembangan semasa iaitu penggunaan peranti terbaru yang lebih kecil dan senang di bawa ke mana-mana.

Menurutnya, pihaknya juga mengadakan pertemuan dengan Dewan Perniagaan Vape China yang membincangkan hala tuju perniagaan vape untuk tempoh tiga tahun dan dari situ, pelbagai pembaharuan dan diketengahkan untuk model perniagaan terkini.

"DPVM menjadi saluran khas kepada peniaga untuk mengemukakan cadangan, pandangan dan idea kepada kerajaan kerana pengguna vape di Malaysia bukan sedikit, malah semakin meningkat setiap hari. Justeru kita perlukan penambahbaikan bagi memastikan ia mengikut peraturan serta sah di sisi undang-undang negara," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 9 Jun 2019 @ 3:17 PM

